diesel, yang mana ia telah berjaya meningkatkan bahagian pasarnya kepada 25% daripada 23% dalam tahun kewangan yang lalu. Bagi menyokong strategi pertumbuhan Syarikat, 44 buah stesen baru telah memulakan operasi dalam tahun berkenaan, menambahkan jumlah stesen servisnya di seluruh negara kepada 635 buah.

Satu peristiwa penting yang berlaku dalam sektor runcit pada tahun ini ialah pengambilalihan 16 buah stesen servis daripada BP di Sabah. Hingga hari ini, 12 buah daripada stesen itu telahpun beroperasi dengan jenama PETRONAS dan 4 buah lagi sedang dalam proses penukaran. Pengambilalihan ini telah meletakkan Syarikat pada kedudukan yang lebih baik untuk bersaing dengan lebih berkesan lagi di Pantai Barat Sabah, terutama di Kota Kinabalu, di mana lokasi tanah-tanah yang strategik sukar diperolehi.

Agar seiring dengan keperluan dan kehendak pasaran yang kompetitif, Syarikat memperkuatkannya tawaran untuk bahan bakarnya dengan tambahan 50 buah kedai MESRA dalam tahun kewangan, menjadikan jumlah kedai MESRA yang ada kepada 193 buah dengan 13 buah lagi sedang menunggu kelulusan daripada pelbagai pihak berkuasa untuk memulakan perniagaan.

Syarikat telah memperkenalkan ‘Hiperstesen’ ke dalam industri peruncitan negara, satu konsep inovatif yang menarik dengan tawaran bersepadan perkhidmatan sebuah supermarket, restoran makanan segera, ATM, perkhidmatan kourier dan pos. Pengenalan ini mewujudkan satu format baru dalam urusan runcit bagi penduduk Taman Setiawangsa di Kuala Lumpur. Dengan pelancarannya dalam bulan Januari 2003, Syarikat telah berpadu tenaga dengan

Despite intense competition, the Company continued to expand its market share in the country's petroleum products market to 37% and retained its leadership position. The Company will strive to strengthen this hard earned position in the increasingly competitive and challenging business environment.


Through its extensive national network, the Company continued to chart encouraging progress in the retailing of gasoline and diesel where it managed to increase its retail market share to 25% from 23% in the last financial year. To support the Company's growth strategy, 44 new stations were brought into operation during the year, increasing the total number of service stations nationwide to 635.

A significant event in the retail sector during the year was the acquisition of 16 service stations from BP in Sabah. To date, 12 of the service stations are already operating under the PETRONAS brand and 4 more are in the process of conversion. The acquisition has placed the Company in a better position to compete

Pendapatan Sesaham • Earnings Per Share  
(Sen / Sen)



**Keuntungan • Profit**  
(RM Juta / Million)



dua jenama terkenal, Giant dan McDonalds, untuk memberi pengalaman baru bagi menarik pelanggan, yakni satu usaha yang diyakini oleh Syarikat dapat meraih sokongan yang lebih besar daripada anggota masyarakat di mana ia beroperasi. Dengan kejayaan menggalakkan hasil daripada usaha sulungnya itu, Syarikat kini berusaha mengenal pasti tapak-tapak lain untuk mewujudkan lebih banyak hiperstesen dalam tahun kewangan akan datang.

Selaras dengan langkah industri bergerak ke arah belian tanpa tunai, semua stesen PETRONAS di seluruh negara telah diperlengkap dengan kemampuan menerima kad kredit dan kad caj utama selain kad kelompok Syarikat, SmartPay. perkhidmatan pelanggan yang telah dipertingkatkan ini akan menyokong pertumbuhan stesen-stesen layan diri yang kini beroperasi di pusat-pusat bandar di seluruh negara. Bagi memperteguhkan program kesetiaan pelanggannya, PDB telah menjalankan kajian untuk meningkatkan keberkesanan Kad Mesra.

Syarikat telah melancarkan versi PRIMAX yang telah dinaik taraf dengan agen pengurangan geseran rumusan baru, satu-satunya sahaja yang terdapat di negara ini. Petroleum prestasi terbaik ini telah mendapat sambutan menggalakkan daripada kalangan para pemandu yang pintar menilai.

Syarikat mengekal serta memperkuatkannya kedudukannya sebagai peneraju dalam perniagaan Gas Petroleum Cecair (LPG) dengan peningkatan yang membanggakan sebanyak 9% dalam jumlah jualan semasa tahun kewangan. GAS PETRONAS kini telah bertapak kukuh dan mudah diperolehi di seluruh negara.

Perniagaan Komersil Syarikat juga baik tahun ini dengan kejayaannya mempertahankan kedudukan


effectively in the West Coast of Sabah, especially in Kota Kinabalu, where strategically located land would have been hard to secure.

In keeping pace with competitive market needs and preferences, the Company complemented its fuel offerings with 50 additional MESRA convenience stores this past year, bringing the total number of MESRA outlets to 193, with 13 more awaiting regulatory approval from various Authorities to commence operation.

The Company introduced the 'Hyperstation' into the nation's retail industry, an exciting and innovative concept where the combined offerings of a supermarket, quick serve restaurant, ATM, courier and postal services, created a new retail format for the residents of Taman Setiawangsa in Kuala Lumpur. Launched in January 2003, the Company joined forces with two other established brands, Giant and McDonalds, to pilot a new customer experience which the Company believes will attract greater support from the communities within which they operate. Encouraged by the success of its maiden effort, the Company is sourcing for appropriate sites for more hyperstations in the next financial year.

In tandem with the industry's move towards cashless purchase, all PETRONAS stations throughout the country have now been fully equipped to accept major credit cards and charge cards in addition to the Company's own fleet card, SmartPay. This enhanced facility will support the growth of self-service stations now operating in major urban centres in the country. PDB has also commissioned a study to further enhance the effectiveness of its Kad Mesra in order to strengthen its loyalty program.

**Penguasaan Pasaran - Jumlah Keseluruhan Produk**  
**Market Share - Total All Products**



sebagai peneraju pasaran. Buat masa ini Syarikat mempunyai bahagian pasaran terbesar bagi bahan bakar jet, minyak bahan bakar, diesel dan minyak tanah, dan sedang berusaha dengan giatnya untuk memperluaskan perniagaan asfaltnya di Semenanjung dan Malaysia Timur.


Perniagaan Minyak Pelincir terus memantapkan kedudukannya hasil strategi pemasaran yang agresif. Jualan domestik berkembang 25% berbanding pertumbuhan pasaran 1%. Syarikat melancarkan SYNTIUM 3000, pelincir sintetik peringkat teratas, sempena perlumbaan PETRONAS Malaysian Formula 1 Grand Prix 2003. Dengan rumusan serta pakej baru, semua keluaran minyak motor SYNTIUM melebihi piawaian ketat yang ditetapkan oleh para pengeluar enjin dan pelincir antarabangsa, dan berkedudukan baik dalam senarai produk premium Syarikat.

Dalam urusan bekalan dan logistik, Syarikat telah menyiapkan pembinaan loji pengisian LPG yang baru di Bintulu, Sarawak. Pembinaan depot-depot pukal di Labuan dan Sandakan sedang berjalan lancar dan dijangka siap dalam bulan Julai dan Oktober 2003. Sebuah lagi depot sedang dirancang pembinaannya di Lahad Datu, dan akan siap dalam tahun kewangan akan datang. Dengan siapnya depot-depot ini Syarikat akan dapat memperbaiki daya saingnya di Sabah dan Sarawak.

Beberapa program lain juga telah dilaksana bagi memperkuatkan daya saing Syarikat dalam bidang khidmat dan keselesaan pelanggan. Pusat servis termoden Syarikat, iaitu MesraLink akan diperlengkap dengan lebih banyak saluran komunikasi, termasuk perkhidmatan telefon sentuh-nada respon suara interaktif (IVR) dan kemudahan internet. Sistem perancangan sumber syarikat SAP R/3 terus menyokong proses urus niaga dan maklumat PDB yang sentiasa ditumpukan kepada keberkesanan operasi dan khidmat pelanggan. Syarikat juga telah menjalankan usaha untuk mempertingkatkan sistem bayaran elektronik bagi melicinkan lagi proses pembayaran di saluran-saluran runcitnya.

Sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, Syarikat terus menjalankan projek-projek seperti Tabung Mesra dan program keselamatan jalan raya PETRONAS StreetSmart. Program keselamatan jalan raya PETRONAS StreetSmart dengan temanya 'Pengajaran Sepanjang Hayat' telah mengadakan lawatan ke semua bandar ibu kota di negara ini. Program

Penguasaan Pasaran - Runcit  
Market Share - Retail




The Company launched an upgraded version of its PRIMAX motor gasoline with an enhanced new formulation friction modifier, the only one of its kind in the country. The superior performance gasoline has been well received by discerning motorists.

The Company maintained and strengthened its market leadership position in the Liquefied Petroleum Gas (LPG) Business with a commendable 9% increase in sales volume during the year under review. GAS PETRONAS is now well established and easily available throughout the country.


The Company's Commercial Business also had a good year when it successfully defended its position as market leader. The Company currently has the largest market share for jet fuel, fuel oil, diesel and kerosene, and is significantly expanding its asphalt business in Peninsular and East Malaysia.

The Lubricant Business continues to strengthen its presence through aggressive marketing strategies. Domestic sales grew at 25% against a market growth of 1%. The Company launched SYNTIUM 3000, a top-of-the-range high performance fully synthetic motor oil in conjunction with the 2003 PETRONAS Malaysian Formula 1 Grand Prix. Newly formulated and repackaged, the SYNTIUM range of motor oils exceeds the stringent standards set by international engine and lubricant producers and is well positioned to become a rising star in the Company's portfolio of premium products.

In supply and logistics, the Company completed the construction of a new LPG bottling plant and a bunkering facility in Bintulu, Sarawak. The construction of new bulk depots at Labuan and Sandakan are progressing well and are expected to be



Penguasaan Pasaran - LPG  
Market Share - LPG



tersebut yang disasarkan kepada kanak-kanak sekolah dan orang awam mendapat sambutan sangat daripada masyarakat. Sebagai sebahagian daripada usaha kreatifnya untuk mengagih-agihkan dana daripada Tabung Mesra, Syarikat dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan PETROSAINS sedang meninjau kemungkinan menubuhkan ‘Sudut PETRONAS SmartStreet’ di beberapa buah sekolah yang telah dikenal pasti di seluruh Malaysia. Sudut PETRONAS StreetSmart ini akan memperluaskan tema ‘Pengajaran Sepanjang Hayat’ melampaui sempadan keselamatan jalan raya ke dalam kehidupan sehari-hari dengan penekanan khusus kepada penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran sains dan matematik.

Syarikat menyedari bahawa kakitangan yang berdedikasi dan setia merupakan aset terpenting. Untuk mengekalkan kedudukan nombor satunya dalam pasaran, peningkatan keupayaan dan kebolehan kakitangan merupakan kemestian kepada pertumbuhan pasaran dalam industri peruncitan petroleum yang kompetitif ini. Justeru, Syarikat akan terus mengutamakan kepentingan kakitangannya bagi memastikan kemahiran dan etika kerja adalah selaras dengan usaha strategiknya untuk menjadi peruncit utama lagi di percayai di negara ini.


Dengan ekonomi Malaysia semakin beransur pulih, berserta unjuran pertumbuhan KDNK yang lebih baik, permintaan produk petroleum juga dijangka meningkat. Meskipun Syarikat yakin dapat mempertahankan serta memperkuuhkan kedudukannya sebagai pemasar terbesar produk petroleum di Malaysia, Syarikat juga sedar bahawa untuk terus berkembang ia

completed in July and October 2003, respectively. Another depot is being planned at Lahad Datu, to be completed in the next financial year. The completion of these depots will improve the Company's competitive position in Sabah and Sarawak.

Other programmes were also initiated to strengthen the Company's competitiveness in customer services and convenience. The Company's state-of-the-art customer service centre, MesraLink, will add more communications channels, including an interactive voice response (IVR) touch-tone phone service and internet access. The SAP R/3 enterprise resource planning system continues to support PDB's business and information processes which are continuously aligned to both operational and customer efficiencies. The Company has also invested in the enhancement of an electronic payment system to improve the processing of payments at its retail outlets.

As a responsible corporate citizen, the Company continues to invest in projects such as the Tabung Mesra and the PETRONAS StreetSmart safety programmes. The PETRONAS StreetSmart road safety programme with the theme ‘Lessons for Life’ has visited all major cities in the country. The programme, targeting young school children and communities, has been well received by the public. As part of its continued quest for effective and creative ways to disburse funds from the Tabung Mesra, PDB in cooperation with the Ministry of Education and PETROSAINS, is looking into establishing ‘PETRONAS StreetSmart Corners’ in identified schools throughout Malaysia. These PETRONAS StreetSmart Corners will extend the ‘Lessons for Life’ theme beyond road safety into the realm of everyday

Penguasaan Pasaran - Komersil  
Market Share - Commercial





## Produk Berkualiti

QUALITY PRODUCTS



tinjauan, Syarikat telah menyiapkan loji pengisian LPG dan kemudahan pengisian minyak kapal untuk memenuhi keperluan kapal-kapal LNG di Malaysia LNG Tiga di Bintulu. Pembinaan dua buah depot di Labuan dan Sandakan kini berjalan mengikut jadual dan akan siap tidak lama lagi. Kesemua pengukuhan logistik ini akan memantapkan lagi keupayaan dan semangat persaingan kita di Malaysia Timur di mana turut terdapat rancangan untuk membina sebuah depot di Lahad Datu.

Dalam tahun tinjauan, Syarikat juga telah mengambil alih operasi sebuah loji pengisian LPG dan rak pemuat trak tangki (TTLR), kedua-duanya terletak di perkarangan Kompleks Loji Penapisan PETRONAS di Melaka. Syarikat juga sedang mengambil langkah meningkatkan keberkesanan pengangkutan daratnya dengan menggunakan khidmat syarikat pengangkutan tambahan bagi memastikan persaingan sihat antara mereka. Usaha serentak juga dijalankan menerusi keupayaan-keupayaan berasaskan teknologi dengan mengautomasikan operasi TTLR di beberapa buah depot, mesin-mesin pengisi elektronik di loji pengisian LPG dan sistem palet atau alas bagi pengangkutan silinder LPG.

### Mengubah Organisasi

Syarikat terus melaksanakan inisiatif peningkatan yang sedia ada ke arah mencapai visinya menjadi **Syarikat Pilihan Pertama**. Pusat Servis Pelanggan Syarikat, MesraLink, akan memperhebatkan saluran komunikasinya menerusi perkhidmatan telefon sentuh-nada respon suara interaktif (IVR) dan Internet. Sistem perancangan sumber SAP R3 akan terus memudahkan perjalanan proses urus niaga, penyampaian maklumat dan kawalan dalaman. Satu projek baru untuk memantapkan lagi sistem bayaran elektronik tidak hanya akan meningkatkan keberkesanan urusan perniagaan, tetapi juga menyumbang kepada peningkatan tahap khidmat pelanggan di pusat-pusat jualan.

premises of the PETRONAS Refinery Complex in Melaka. The Company is also taking measures to improve the efficiency of its land transportation by engaging an additional haulage company, ensuring healthy competition among the hauliers. Simultaneous efforts are also being made through technology enabled efficiencies with the automation of the TTLR operations at various depots, electronic filling machines at LPG bottling plants and palletisation systems in the transportation of LPG cylinders.

### Transforming the Organization

The Company continues with the improvement initiatives started earlier towards achieving its vision of becoming 'The Company of 1st Choice'. The Company's customer service centre, MesraLink will enhance its communication channels through a self-service, touch-tone phone IVR or Interactive Voice Response and Internet service. The SAP R3 continues to facilitate business, information and internal control processes and a new project to enhance the electronic payment system at service stations will not only improve transaction efficiencies, but it will contribute to better and more competitive customer service level at points of sale.

Also, as brand building today is a prerequisite of market leadership in competitive environment, a new strategic initiative undertaken this year by the Company is the establishment of the Organisational Brand Unit, a cross-functional unit assigned to improve process alignment of the Company's business with its key brands: PRIMAX, MESRA and SYNTIUM.

### Health, Safety and Environment (HSE)

HSE management plays a very critical role in the Company where proactive policies across all business



To Be The  
Company Of  
1<sup>st</sup>  
Choice



## Peningkatan Kecekapan

IMPROVED EFFICIENCY



Di samping itu, memandangkan hari ini pengukuhan citra merupakan syarat utama untuk meneraju pasaran dalam suasana yang kompetitif, satu inisiatif strategik baru yang telah diambil oleh Syarikat tahun ini ialah penubuhan Unit Citra Organisasi, satu unit fungsian silang yang ditugaskan untuk memperbaiki jajaran proses urus niaga Syarikat dengan jenama-jenama utamanya: PRIMAX, MESRA dan SYNTIUM.

#### **Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE)**

Pengurusan HSE memainkan peranan kritikal dalam Syarikat yang mana dasar-dasar proaktif yang meliputi kesemua kegiatan urus niaga terus diamalkan. Dalam tahun tinjauan, pelbagai latihan, latih tubi, seminar dan pendidikan tentang HSE telah dijalankan. Kempen kebangsaan mengenai keselamatan di stesen petrol dilancarkan pada 1 Oktober 2002.

Bagi memastikan semua bahaya utama dikenal pasti, risiko-risiko kritis dinilai dan diatasi, sistem pengurusan HSE diwujudkan untuk membolehkan pengurusan tindakan sewajarnya. Kesemua bentuk kawalan ini sentiasa diperkemas dan diuji untuk memastikan segala kegiatan Syarikat berjalan selaras dengan piawaian HSE peringkat global.

#### **Keprihatinan dan Perkongsian dengan Warga Malaysia**

Sebagai Syarikat yang dipertanggungjawab memberikan khidmat dan produk yang berkualiti tinggi, PDB berharap agar segala usahanya untuk menjadi sebuah syarikat bertaraf dunia akan menerima sokongan berterusan daripada semua lapisan masyarakat, yang mana tumpuannya kepada memenuhi keperluan manusia akan menghasilkan sokongan pasaran yang berkekalan. Selaras dengan falsafah Syarikat untuk berkongsi kejayaannya dengan masyarakat, pelbagai

activities continue to be practised. During the year, various exercises, drills, seminars and education on HSE were conducted. A national campaign on safety at petrol stations was launched on 1 October 2002.

To ensure that all major hazards are identified, critical risks assessed and addressed, an HSE management system is in place to enable adequate response management. These controls are consistently being developed and tested to ensure that the Company's activities are conducted in accordance to global HSE standards.

#### **Caring and Sharing with Malaysians**

As the Company entrusted with the responsibility of delivering quality products and services, PDB hopes that its efforts to become a world class player will receive the ongoing support of all communities where the focus on people needs will lead to a sustained market support. Consistent with the Company's philosophy of sharing its successes with the community, programmes and recreational activities were organised throughout the year with the support of dealers and business partners.

The PETRONAS StreetSmart road safety programme themed 'Lessons for Life' completed its visit to all capital cities in the country in early 2003. Targeted at school children, young people learn through interactive games and simulated road traffic situations on how to be more safety-aware. This programme which was promoted through the media and schools, was well received by the public. On behalf of the Company, I would like to thank the various organisations such as PETROSAINS, The Ministry of Education, The Malaysia Road Safety Council, The Malaysian Royal Police, The





## Keprihatinan & Perkongsian

CARING & SHARING



program dan kegiatan rekreasi dianjurkan sepanjang tahun dengan sokongan wakil penjual dan rakan kongsi urus niaga.

Program keselamatan jalan raya **PETRONAS StreetSmart** dengan temanya 'Pengajaran Sepanjang Hayat' telah memenuhi jadual lawatannya ke semua bandar ibu kota di seluruh negara, pada awal tahun 2003. Program yang menggunakan permainan interaktif dan simulasi keadaan lalu lintas di jalan raya, disasarkan kepada kanak-kanak sekolah, dapat mendidik mereka menjadi lebih peka kepada soal-soal keselamatan. Program ini yang dipromosikan menerusi media dan sekolah, mendapat sambutan hangat daripada orang ramai. Bagi pihak Syarikat, saya mengucapkan terima kasih kepada PETROSAINS, Kementerian Pendidikan Malaysia, Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia, Polis Di-Raja Malaysia, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dan pihak media Malaysia atas sumbangan, usaha serta sokongan mereka menjayakan program ini.

Satu lagi program kemasyarakatan yang dilancarkan dalam tahun tinjauan ialah **Kempen Pencegahan Merokok Di Kalangan Belia**. PDB menjadi syarikat peruncit pertama di negara ini yang menjalankan usaha menerusi rangkaian stesenya mencegah penjualan rokok kepada belia di bawah umur 18 tahun.

Syarikat juga telah meneruskan program **Coffee Break** yang menerusi kempen 'Be Smart, Take a Break' menawarkan minuman kopi dan makanan ringan percuma kepada para pemandu yang berhenti di stesen PETRONAS semasa dalam perjalanan pulang ke kampung pada musim perayaan.

Syarikat juga telah berjaya mengumpulkan wang yang mencukupi daripada projek kemasyarakatannya, **Tabung Mesra**, untuk disalurkan ke sekolah-sekolah yang tidak

Malaysian Red Crescent Society and the Malaysian media for their contributions, efforts and support towards this programme.

Another community programme launched during the year was the **Youth Smoking Prevention Campaign**. The Company became the first retailer in the country to commit through its station network not to sell cigarettes to youths under the age of 18 years.

The Company continues with its **Coffee Break** programme where the 'Be Smart, Take a Break' campaign offered travelers stopping at PETRONAS stations with complimentary cups of coffee, refreshments and snacks enroute home or along their journey during major festive seasons.

The Company has also accumulated sufficient funds from its community project, **Tabung Mesra**, to be channeled to disadvantaged schools and underprivileged children.

#### **Looking Ahead**

The demand for petroleum products is expected to grow in the coming years. The Malaysian economy signals optimistic recovery which will benefit all sectors. The Company, which has managed to sustain its market leadership, is ready to seize the opportunity by increasing its sales further in the imminent and favourable economic environment.

The staff competencies and dealer training will continue to be given priority to enhance the Company's productivity and efficiency. The Company is also fully aware that market leaders are continually being challenged. However, the management and employees of this Company will do their best to defend the Company's market leadership





## Produk Inovatif

INNOVATIVE PRODUCTS



mempunyai kemudahan dan juga kanak-kanak yang memerlukan.

#### Tinjauan Masa Hadapan

Permintaan bagi produk petroleum dijangka meningkat dalam tahun-tahun akan datang. Ekonomi Malaysia menunjukkan tanda-tanda pemulihan optimistik yang akan memberikan manfaat kepada semua sektor. Syarikat yang telah berjaya mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju pasaran kini bersedia untuk merebut peluang ini bagi meningkatkan lagi jualan.

Kompetensi kakitangan dan latihan bagi wakil penjual akan terus diberikan keutamaan untuk mempertingkatkan produktiviti dan kecekapan Syarikat. Syarikat juga sedar bahawa sebagai peneraju pasaran ia akan sentiasa berhadapan dengan cabaran. Justeru, pihak pengurusan dan kakitangan Syarikat akan terus berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mempertahankan kedudukan Syarikat sebagai peneraju serta memperkuuhkan bahagian pasaran dan prestasi kewangannya.

#### Penghargaan

Bagi pihak pengurusan Syarikat, saya merakamkan penghargaan dan sanjungan kepada kakitangan atas semangat dedikasi dan usaha gigih mereka. Saya mengucapkan terima kasih atas sumbangan mereka kepada kejayaan dan pencapaian Syarikat bagi tahun ini. Saya berharap semangat dedikasi dan komitmen ini akan berterusan hingga ke tahun-tahun akan datang. Saya juga amat berterima kasih kepada Kerajaan dan agensi-agensinya kerana bantuan dan kerjasama yang diberikan, dan kepada Lembaga Pengarah atas nasihat, panduan dan galakan mereka. Kepada semua pelanggan, wakil penjual dan rakan kongsi, kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan dan kesetiaan mereka yang berterusan. Akhir sekali, saya amat terhutang budi kepada Datuk Anuar bin Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif sebelum saya yang kini memegang jawatan Naib Presiden Urus Niaga Minyak PETRONAS, atas usaha beliau meningkatkan Syarikat ke tahapnya hari ini, dan juga atas kejayaan beliau meletakkan asas yang kukuh bagi pertumbuhan masa depannya.



**IBRAHIM BIN MARSIDI**  
Ketua Pegawai Eksekutif

position, its market share and strengthen the strong financial performance of the Company.

#### Appreciation

On behalf of the Company's management, I would like to express my appreciation and heartfelt gratitude to the staff for their dedication and hard work. I thank them for their contribution towards the success and achievements of the year. It is my hope that the dedication and commitment will continue in the years to come. I am also most grateful to the Government and its agencies for their assistance and cooperation, and to the Board of Directors for their counsel, guidance and encouragement. To all our customers, dealers and business partners, we would like to extend our heartfelt appreciation for their continuing support and loyalty. Finally, I am indebted to my predecessor, Datuk Anuar bin Ahmad who has assume the position of Vice President of Oil Business, PETRONAS, for transforming this organization to what it is today and successfully laid a strong foundation for its future growth.



**IBRAHIM BIN MARSIDI**  
Chief Executive Officer


n  
atan  
inks

Air Mineral  
mineral water



## Mengutamakan Pelanggan

CUSTOMER PRIORITY



Pembangunan Produk / Product Development



17 Jun 2002

Pelancaran PETRONAS FBO Super, rumusan baru pelincir prestasi hebat bagi enjin diesel pengangkutan marin, oleh Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif PDB, Datuk Anuar bin Ahmad.

17 June 2002

Launching of PETRONAS FBO Super, a new formulation of superior performance lubricant for diesel engines in marine vessels, by PDB Managing Director/CEO, Datuk Anuar bin Ahmad.



1 November 2002

Pelancaran petrol Primax Baru yang dipertingkat dengan Pengubah Suai Geseran yang unik, oleh Pengurus PETRONAS YBhg Tan Sri Dato' Seri Azizan bin Zainul Abidin di Kuala Lumpur.

1 November 2002

Launching of New Primax, enhanced with unique Friction Modifier, by PETRONAS Chairman, YBhg Tan Sri Dato' Seri Azizan bin Zainul Abidin in Kuala Lumpur.

19 Mac 2003

Pelancaran pelincir generasi baru Syntium 3000, pelincir prestasi tertinggi dalam siri pelincir kelas dunia PETRONAS, oleh Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS YBhg Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican di Kuala Lumpur.

19 March 2003

Launching of the new premium synthetic motor oil, Syntium 3000, the highest performance motor oil in the PETRONAS portfolio of world-class lubricants, by PETRONAS President and Chief Executive Officer, YBhg Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican in Kuala Lumpur.



Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar /  
Health, Safety & Environment



▲  
22 Mei 2002

PDB mengadakan Latihan Pengurusan Krisis yang diberi nama "Stesen Selamat 2002" di Stesen Servis PETRONAS di Ayer Keroh, Melaka.

22 May 2002

PDB conducts a Crisis Management Exercise, code named 'Safer Station 2002', at PETRONAS Service Station in Ayer Keroh, Melaka.



▲

1 Oktober 2002

Pelancaran Kempen Keselamatan Kebangsaan di Stesen Minyak oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin di Stesen Servis PETRONAS di Sg Buloh, Selangor.

1 October 2002

Launching of National Campaign for Safety at Petrol Stations by the Minister of Domestic Trade & Consumer Affairs, YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, at PETRONAS Service Station in Sg Buloh, Selangor.

Peningkatan Perniagaan / Business Improvement

4 September 2002

PDB melancarkan fasiliti baru untuk mengoptimumkan kegunaan rangkaian pembekalan dan logistik Gas PETRONAS yang dikenali sebagai sistem palet di Loji Pengisian Gas Petroleum Cecair (LPG) di Pelabuhan Klang.

4 September 2002

PDB launches a new palletisation system facility to optimise the entire Gas PETRONAS supply chain and logistics at its Liquefied Petroleum Gas (LPG) Bottling Plant in Port Klang.

▼



25 Januari 2003

Pelancaran Hiperstesen yang pertama di Malaysia oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, YB Datuk Mohamad Shaid bin Mohd Taufek di Stesen Servis PETRONAS di Taman Setiawangsa, Kuala Lumpur.

25 January 2003

Launching of Malaysia's first Hyperstation by the Mayor of Kuala Lumpur, YB Datuk Mohamad Shaid bin Mohd Taufek, at PETRONAS Service Station in Taman Setiawangsa, Kuala Lumpur.

▼



Peningkatan Perniagaan / Business Improvement



▲  
25 Mac 2003

Majlis Penandatanganan Kontrak Sistem Pembayaran Elektronik di Stesen Servis PETRONAS antara PDB dengan Advantage Retail Solutions Ltd di Kuala Lumpur.

25 March 2003

Signing ceremony for the Contract on the Enhancement of New Electronic Payment System for PETRONAS Service Stations between PDB and Advantage Retail Solutions Ltd in Kuala Lumpur.

Korporat / Corporate

29 Ogos 2002

Mesyuarat Agung Tahunan PDB yang ke-20.

29 August 2002

PDB's 20th Annual General Meeting.

▼



5 November 2002

Majlis Penandatanganan Kontrak Tambahan Pertama kepada Kontrak bagi Pembekalan dan Pengiriman Produk Petroleum kepada Angkatan Tentera Malaysia antara PDB dengan Kerajaan Malaysia.

5 November 2002

Signing ceremony for the First Addendum of Contract to the Main Contract on the Supply and Delivery of Petroleum Products to the Malaysian Armed Forces between PDB and the Malaysian Government.

▼



Korporat / Corporate



17 Disember 2002

Majlis Perjumpaan Hari Raya untuk tetamu PDB di Kuala Lumpur.

17 December 2002

PDB's Hari Raya gathering for its guests in Kuala Lumpur.

Masyarakat / Community

2 April 2002 – 16 Mac 2003

PDB menganjurkan PETRONAS StreetSmart 2002 – program untuk mendidik kanak-kanak mengenai keselamatan jalan raya menerusi “pembelajaran ceria”. Pameran bergerak StreetSmart telah melawat Seremban, Melaka, Alor Setar, Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Kota Kinabalu.

2 April 2002 – 16 March 2003

PDB organised PETRONAS StreetSmart 2002 – a road safety programme to educate children on road safety through “fun learning”. The StreetSmart mobile exhibition visited Seremban, Melaka, Alor Setar, Kota Bharu, Kuala Terengganu and Kota Kinabalu.



## Masyarakat / Community



▲ 16 September 2002

Pelancaran Program Didikan Peruncit – Kempen Mencegah Remaja Dari Merokok, oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin di Stesen Servis PETRONAS di Bandar Kinrara, Kuala Lumpur.

16 September 2002

Launching of the Youth Smoking Prevention Campaign – Retailers Education Programme, by the Minister of Domestic Trade & Consumer Affairs, YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, at PETRONAS Service Station in Bandar Kinrara, Kuala Lumpur.

▼ 26 November 2002


Pelancaran media bagi Kempen Keselamatan ‘Lebih Bijak Berehat Seketika di PETRONAS’ sempena Hari Raya Puasa dan Tahun Baru Cina di beberapa buah Stesen Servis PETRONAS yang terpilih, oleh PDB dengan kerjasama Nestle dan ntv7.

26 November 2002

Media launch of Safety Campaign ‘Be Smart, Take a Break at PETRONAS’ during Hari Raya Puasa and Chinese New Year festivals at selected PETRONAS Service stations, by PDB with the cooperation of Nestle and ntv7.




## Prestasi Saham / Share Performance




## Ringkasan Kewangan Kumpulan – 5 Tahun Group's Financial Summary – 5 Years


Hasil • Revenue (RM Juta / Million)




Keuntungan • Profit (RM Juta / Million)




Keuntungan Sebagai % Hasil • Profit as % of Revenue (Peratus / Percent)




Jumlah Aset • Total Assets (RM Juta / Million)




Dana Pemegang Saham • Shareholders' Funds  
(RM Juta / Million)



Pendapatan Sesaham • Earnings Per Share  
(Sen / Sen)




Aset Ketara Bersih Sesaham • Net Tangible Asset Per Share  
(Sen / Sen)



Perbelanjaan Modal • Capital Expenditure  
(RM Juta / Million)



**Trend Harga Minyak Mentah & Barang Petroleum**  
**Crude Oil & Petroleum Product Price Trend**



**Maklumat Pemegang Saham  
Shareholders Information**

Tahun Kewangan Berakhir / <b>Financial Year End</b>	:	31 Mac 2003 <b>31 March 2003</b>
Kelas Saham / <b>Class of Shares</b>	:	Saham Biasa Bernilai RM1.00 Satu / <b>Ordinary Shares of RM1.00 Each</b>
Hak Mengundi / <b>Voting Rights</b>	:	Satu Undi Bagi Sesaham Biasa (Atas Bilangan Undi) / <b>One Vote Per Ordinary Share (On A Poll)</b>

Analisa Pegangan Saham Pada 20 Mei 2003  
Analysis Of Shareholdings As At 20 May 2003

Saiz Pegangan / <b>Size of Holdings</b>	Bil. Pemegang No. of Holder	% Jumlah Pemegang Saham % of Total Shareholders		Bil. Saham No. of Shares	% Jumlah Saham % of Total Shares
Kurang dari / <b>Less than</b> 1,000	7,190	75.22		7,189,449	1.45
1,001 - 10,000	1,963	20.54		7,013,801	1.41
10,001 - 100,000	292	3.05		9,503,565	1.91
100,001 - 24,836,349	112	1.17		98,033,185	19.74
24,836,350 ke atas / <b>and above</b>	2	0.02		374,987,000	75.49
	<hr/> 9,559	<hr/> 100.00		<hr/> 496,727,000	<hr/> 100.00

Pengelasan Pemegang-Pemegang Saham Pada 20 Mei 2003  
Classification Of Shareholders As At 20 May 2003

Kategori / <b>Category</b>	Bil. Pemegang / No. of Holder	% Jumlah Bilangan Saham / % of Total Shareholdings				
		Malaysia	Asing / Foreign	Malaysia	Asing / Foreign	Malaysia
• Individu / <b>Individual</b>	8,679	57		20,601,643	303,400	4.15
• Badan Korporat / <b>Corporate Body</b>						0.06
a. Bank-Bank/Syarikat Kewangan / <b>Banks/Finance Companies</b>	26	0		55,545,100	0	11.18
b. Amanah Pelaburan/ Yayasan Badan Amal Kebajikan / <b>Investment Trusts / Foundation/Charities</b>	19	0		79,000	0	0.02
c. Syarikat Perindustrian dan Perdagangan / <b>Industrial and Commercial Companies</b>	287	7		8,027,000	39,000	1.62
• Agensi/Institusi Kerajaan / <b>Government Agencies / Institution</b>	20	0		9,272,000	0	1.86
• Nomini / <b>Nominees</b>	360	104		391,228,979	11,630,878	78.76
	<hr/> 9,391	<hr/> 168		<hr/> 484,753,722	<hr/> 11,973,278	<hr/> 97.59
						<hr/> 2.41

**Senarai Tiga Puluh Pemegang Saham Terbesar**

Berdaftar pada 20 Mei 2003

**List Of Thirty Largest Shareholders**

Registered as at 20 Mei 2003

	Nama Name	Bil. Saham No. Of Shares	% Jumlah Saham % Of Total Shares
1.	RHB Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (Petroliam Nasional Berhad)	347,002,000	69.86
2.	Employees Provident Fund Board	27,985,000	5.63
3.	Malaysia Nominees (Tempatan) Sendirian Berhad (Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad)	15,553,320	3.13
4.	Valuecap Sdn Bhd	12,540,000	2.52
5.	Lembaga Tabung Haji	11,290,000	2.27
6.	Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (Skim Amanah Saham Bumiputra)	6,701,000	1.35
7.	Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (Amanah Saham Malaysia)	3,108,000	0.63
8.	Mayban Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (Mayban Trustees Berhad for Public Ittikal Fund)	2,375,000	0.48
9.	Malaysia Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad)	2,314,000	0.47
10.	Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (Public Equity Fund)	2,037,000	0.41
11.	Permodalan Nasional Berhad	1,753,000	0.35
12.	BBMB Securities Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (Petroleum Research Fund)	1,251,000	0.25
13.	Bank Simpanan Nasional	1,174,000	0.24
14.	Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (Public Growth Fund)	1,125,400	0.23
15.	Cartaban Nominees (Asing) Sdn Bhd (Boston Safe Deposit and Trust Company for Howard Hughes Medical Institute)	1,070,000	0.22
16.	Foh Chong & Sons Sdn Bhd	1,007,000	0.20
17.	Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan	1,000,000	0.20
18.	Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Sembilan	1,000,000	0.20
19.	Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	1,000,000	0.20
20.	Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang	1,000,000	0.20
21.	State Financial Secretary Sarawak	1,000,000	0.20
22.	State Secretary Kedah Incorporated	1,000,000	0.20
23.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd (Templeton Development Markets Trust)	982,000	0.20
24.	Ketua Menteri Melaka	970,000	0.20
25.	Bumiputra-Commerce Trustee Berhad (RHB Mudharabah Fund)	958,000	0.19
26.	Mayban Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (Mayban Trustees Berhad for Public Regular Savings Fund)	923,000	0.19
27.	Cartaban Nominees (Asing) Sdn Bhd (BNP Paribas Sec. Paris for Epta Mercati Emergenti)	860,000	0.17
28.	Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (Public Savings Fund)	835,000	0.17
29.	Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (Public Index Fund)	777,000	0.16
30.	Johan Enterprise Sdn Bhd	703,000	0.14

**Senarai Pemegang-Pemegang Saham Utama**

Pada 20 Mei 2003

**List of Substantial Shareholders**

As At 20 May 2003

	Bil. Saham No. Of Shares	% Jumlah Saham % of Total Shares
1. RHB Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (Petroliam Nasional Berhad)	347,002,000	69.86
2. Employees Provident Fund Board	27,985,000	5.63
3. Malaysia Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad)	15,553,320	3.13
4. Valuecap Sdn Bhd	12,540,000	2.52

Senarai Pegagang Saham Oleh Pengarah Dalam Syarikat Dan Syarikat-Syarikat Berkaitan  
Pada 20 Mei 2003

List Of Directors' Shareholding In The Company And Related Companies As At 20 May 2003

Nama / Name	Bilangan Saham dalam Syarikat No. of Shares in the Company	% Pegangan Saham % of Shareholding
1. Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican	1,000	0.00
2. Datuk Anuar bin Ahmad	1,000	0.00
3. Ainon Marziah bt Wahi	1,000	0.00

Nama / Name	Bilangan Saham dalam PETRONAS Gas Berhad No. of Shares in PETRONAS Gas Berhad	% Pegangan Saham % of Shareholding
1. Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican	5,000	0.00
2. Ainon Marziah bt Wahi	5,000	0.00

**Ibu Pejabat / Head Office**  
 Aras 30-33, Menara 1  
 Menara Kembar PETRONAS  
 Kuala Lumpur City Centre  
 50088 Kuala Lumpur  
 Tel: 03-2051 5500  
 Faks / Fax: 03-2051 5505

**Pejabat-pejabat Kawasan  
 Area Offices**

**Kawasan Tengah  
 Central Region**  
 Aras 12, Menara Dayabumi  
 Jalan Sultan Hishamuddin  
 Peti Surat 11946  
 50762 Kuala Lumpur  
 Tel: 03-2260 1500  
 Faks / Fax: 03-2260 1527

**Kawasan Utara  
 Northern Region**  
 Lot 93  
 Prai Industrial Estate  
 13600 Prai, Pulau Pinang  
 Tel: 04-390 7291, 04-390 7201  
 Faks / Fax: 04-399 0211


**Kawasan Selatan  
 Southern Region**  
 Tingkat 1, Bangunan PETRONAS  
 Lot 12106  
 Bandar Baru UDA  
 Km 7, Jalan Skudai  
 81200 Johor Bahru, Johor  
 Tel: 07-237 8161  
 Faks / Fax: 07-236 0955


**Kawasan Barat  
 Western Region**  
 Suite 1.1, Aras 1  
 Bangunan Yayasan Melaka  
 Off Jalan Hang Tuah  
 75300 Melaka  
 Tel: 06-283 5162, 06-283 5163  
 Faks / Fax: 06-284 2107

**Kawasan Timur  
 Eastern Region**  
 A-39 & A-43, Jalan Haji Abdul Aziz  
 25000 Kuantan, Pahang  
 Tel: 09-513 7022, 09-513 7099  
 Faks / Fax: 09-514 4040

**Kawasan Sabah  
 Sabah Region**  
 Aras 1 & 2  
 Menara PETRONAS Kota Kinabalu  
 No. 2, Jalan Belia  
 Beg Berkunci No. 110  
 88100 Kota Kinabalu, Sabah  
 Tel: 088-23 9033, 088-23 9035  
 Faks / Fax: 088-23 7045

**Kawasan Sarawak  
 Sarawak Region**  
 Tingkat 3-4  
 Custodev Twin Tower  
 Lot 2679, Jalan Rock  
 93200 Kuching  
 Sarawak  
 Tel: 082-25 5200  
 Faks / Fax: 082-42 9958





## **Penyata Kewangan**

- 93 Laporan Pengarah • 97 Penyata Para Pengarah • 98 Akuan Berkanun • 99 Laporan Juruaudit kepada Para Ahli  
100 Kunci Kira-Kira Disatukan • 101 Penyata Pendapatan Disatukan • 102 Penyata Aliran Tunai Disatukan •  
103 Kunci Kira-Kira • 104 Penyata Pendapatan • 105 Penyata Aliran Tunai • 106 Nota Kepada Penyata Kewangan

**Laporan Pengarah**  
bagi tahun berakhir 31 Mac 2003

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka dan penyata kewangan teraudit bagi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir 31 Mac 2003.

**KEGIATAN UTAMA**

Kegiatan utama Syarikat dalam tahun kewangan kekal tidak berubah dan terdiri daripada pemasaran domestik produk petroleum dan pengendalian stesen minyak. Kegiatan utama anak syarikat dan syarikat bersekutu diterangkan dalam Nota 30 and 31 kepada penyata kewangan.

**KEPUTUSAN KEWANGAN**

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan selepas pencukaian tetapi sebelum kepentingan minoriti Bahagian kepentingan minoriti dalam keuntungan anak syarikat	149,961 (860)	146,927 -
Keuntungan bersih untuk tahun kewangan	149,101	146,927
Keuntungan belum diagihkan dibawa ke hadapan	1,567,587	1,565,415
Keuntungan boleh diagihkan	1,716,688	1,712,342
Dividen	(160,940)	(160,940)
Keuntungan belum diagihkan dihantar ke hadapan	1,555,748	1,551,402

**DIVIDEN**

Amaun yang dibayar melalui dividen oleh Syarikat sejak akhir tahun kewangan sebelumnya adalah seperti berikut:

- i) seperti yang dicadangkan dalam laporan tahun lepas, dividen akhir 15% ditolak cukai 28% berjumlah RM53,646,516 bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2002 telah dibayar pada 1 Oktober 2002.
- ii) dividen khas 10% ditolak cukai 28% berjumlah RM35,764,344 bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2002 telah dibayar pada 1 Oktober 2002.
- iii) dividen interim 20% ditolak cukai 28% berjumlah RM71,528,688 bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2003 telah dibayar pada 8 Januari 2003.

Para pengarah mencadangkan dividen akhir 10% ditolak cukai 28% berjumlah RM35,764,344 bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2003.

**RIZAB DAN PERUNTUKAN**

Tiada pindahan penting kepada dan daripada rizab serta peruntukan semasa tahun kewangan.

## PARA PENGARAH SYARIKA T

Para pengarah yang berkhidmat sejak tarikh laporan yang lepas ialah:

Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican – Pengerusi  
Ibrahim bin Marsidi (dilantik pada 1.10.2002) – Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif  
Datuk Ishak bin Imam Abas  
Datuk Anuar bin Ahmad  
Chew Kong Seng  
Dr. R. Thillainathan  
Dato' Kamaruddin bin Mohd Jamal  
Ainon Marziah binti Wahi (dilantik pada 1.10.2002)  
Dato' Shamsul Azhar bin Abbas (meletakkan jawatan pada 30.09.2002)  
Abdul Rahim bin Haji Hashim (meletakkan jawatan pada 01.10.2002)

Selaras dengan Perkara 93 Tataurusan Pertubuhan Syarikat, Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican dan Dr. R. Thillainathan bersara mengikut giliran dari Lembaga Pengarah dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dipilih semula.

Selaras dengan Perkara 96 Tataurusan Pertubuhan Syarikat, Ibrahim bin Marsidi dan Ainon Marziah binti Wahi yang dilantik pada 1 Oktober 2002, bersara dari Lembaga Pengarah dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dipilih semula.

## KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Para pengarah yang berkhidmat pada akhir tahun kewangan yang mempunyai kepentingan dalam bentuk saham Syarikat dan syarikat berkaitan adalah seperti berikut :

Nama	Bilangan Saham dalam Syarikat			
	Baki pada 1.4.2002	Dibeli	Dijual	Baki pada 31.3.2003
Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican	1,000	–	–	1,000
Datuk Ishak bin Imam Abas	10,000	–	–	10,000
Datuk Anuar bin Ahmad	1,000	–	–	1,000
Ainon Marziah binti Wahi	1,000	–	–	1,000

	Bilangan Saham dalam PETRONAS Gas Berhad			
	Baki pada 1.4.2002	Waran yang digunakan	Dijual	Baki pada 31.3.2003
Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican	5,000	–	–	5,000
Ainon Marziah binti Wahi	5,000	–	–	5,000

Tiada seorang pun daripada pengarah lain yang memegang jawatan pada 31 Mac 2003 mempunyai kepentingan dalam bentuk saham biasa Syarikat atau syarikat berkaitan dengannya semasa tahun kewangan.

## **GANJARAN PARA PENGARAH**

Sejak akhir tahun kewangan yang sebelumnya, tiada pengarah Syarikat yang telah menerima atau layak menerima apa-apa ganjaran (selain daripada ganjaran yang termasuk dalam emolumen agregat yang diterima atau patut diterima oleh pengarah seperti dinyatakan dalam penyata kewangan atau gaji tetap seorang pekerja sepenuh masa Syarikat atau syarikat berkaitan) disebabkan perjanjian yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan pengarah atau dengan firma yang pengarah tersebut menjadi ahli, atau dengan syarikat yang pengarah tersebut mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

Tiada sebarang urusan semasa dan pada akhir tahun yang bertujuan untuk membolehkan para pengarah Syarikat menikmati faedah melalui pemerolehan saham Syarikat atau debentur Syarikat atau lain-lain badan korporat.

## **TERBITAN SAHAM DAN DEBENTUR**

Tiada sebarang perubahan pada modal diterbit dan berbayar Syarikat semasa tahun kewangan.

## **OPSYEN YANG DIBERI KE A TAS SAHAM BELUM TERBIT**

Tiada opsyen diberikan kepada sesiapa untuk memperolehi saham belum terbit Syarikat semasa tahun kewangan.

## **LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN**

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah wajar untuk memastikan bahawa:

- i) semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat untuk hutang ragu, dan
- ii) semua aset semasa telah dinyatakan pada kos dan nilai boleh realisasi bersih, bergantung pada yang mana lebih rendah.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah Syarikat tidak mendapati wujudnya sebarang keadaan:

- i) yang akan menyebabkan amaun yang dihapuskira untuk hutang lapuk atau amaun untuk peruntukan hutang ragu dalam Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi sehingga ke peringkat yang menjaskani, atau
- ii) yang boleh mengelirukan penilaian aset semasa dalam akaun Kumpulan dan Syarikat, atau
- iii) yang timbul dan menyebabkan kepatuhan pada kaedah penilaian yang sedia ada bagi aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai, atau
- iv) selain dari apa yang telah dinyatakan dalam laporan atau penyata kewangan ini, yang mungkin menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

## LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN (sambungan)

Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:

- i) sebarang cagaran ke atas aset Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan dan yang menjamin liabiliti pihak lain, atau
- ii) sebarang liabiliti luar jangka bagi Kumpulan atau Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.

Tiada liabiliti luar jangka atau lain-lain liabiliti Kumpulan atau Syarikat yang telah dikuatkuasa, atau yang mungkin boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan, yang menurut pendapat para pengarah, boleh atau mungkin menjasakan keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk menunaikan tanggungjawabnya terhadap liabiliti itu.

Pada pendapat para pengarah, keputusan perniagaan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2003 tidak terjejas dengan ketara akibat sebarang perkara, urusniaga atau kejadian yang penting dan luar biasa dan juga tidak terdapat sebarang perkara, urusniaga atau kejadian yang penting dan luar biasa berlaku dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dengan tarikh laporan ini.

## JURUAUDIT

Juruaudit, Tetuan KPMG Desa Megat & Co., telah menyatakan kesanggupan mereka untuk dilantik semula.

Ditandatangani selaras dengan resolusi para pengarah :

TAN SRI DATO' MOHD HASSAN BIN MARICAN

IBRAHIM BIN MARSIDI

Kuala Lumpur,  
Tarikh: 26 Mei 2003

**Penyata Para Pengarah**

Pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan pada halaman 100 hingga 126, disediakan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawai perakaunan yang diluluskan di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang keadaan urusan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Mac 2003 dan hasil operasinya serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut

Ditandatangani selaras dengan resolusi para pengarah:

TAN SRI DATO' MOHD HASSAN BIN MARICAN

IBRAHIM BIN MARSIDI

Kuala Lumpur,  
Tarikh: 26 Mei 2003

**A k u a n B e r k a n u n**

Saya, CHE NORAN BINTI MOHD JELAS (NO MIA: 1390), pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan PETRONAS DAGANGAN BERHAD, sesungguhnya dan dengan ikhlas menyatakan bahawa penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang dibentangkan pada halaman 100 to 126, adalah, sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya, betul dan saya dengan sesungguhnya membuat akuan ini dan dengan hematnya saya mempercayai bahawa perkara tersebut adalah benar dan mengikut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas

CHE NORAN BINTI MOHD JELAS di KUALA LUMPUR,

WILAYAH PERSEKUTUAN pada 26 Mei 2003.

DIHADAPAN SAYA:

Pesuruhjaya Sumpah

## **Laporan Juruaudit kepada Para Ahli**

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan pada halaman 100 hingga 126. Tugas menyediakan penyata kewangan adalah tanggungjawab para pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami ialah menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan berdasarkan audit kami.

